

27 DEC 2002

Nik Aziz-Singapura

BATU PUTEH: NIK AZIZ TURUT KECAM SINGAPURA

KOTA BAHARU, 27 Dis (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata tindakan Singapura mendakwa Pulau Batu Puteh sebagai miliknya adalah sama dengan perbuatan 'pencuri yang tidak pernah mengaku dia seorang pencuri'.

"Merompak, menyamun dan mencuri sudah menjadi perkara biasa bagi orang yang tidak bertanggung jawab," katanya kepada pemberita semasa mengulas mengenai isu pertikaian antara Malaysia dan Singapura berhubung pulau itu.

Menteri Besar Kelantan itu berkata Singapura patut mengingati sejarah silam di mana pulau berkenaan adalah hak mutlak Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura juga ketika itu berada dalam Malaysia.

"Pulau itu harta kita, tak ada orang lain yang boleh menguasainya," katanya kepada pemberita di kediaman Menteri Besar di sini.

Malaysia dan Singapura sebelum ini bersetuju untuk membawa isu pertikaian itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) tetapi Singapura sehingga kini masih melengah-lengahkan proses dokumentasi sedangkan Malaysia sudah bersedia sejak 1998.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia tidak mahu mengambil pendekatan konfrontasi yang boleh mencetus peperangan bagi menyelesaikan isu itu, Nik Aziz berkata pendirian itu adalah tepat.

Kekerasan tidak boleh menyelesaikan masalah dengan baik melainkan dengan cara hikmah dan tanpa perasaan dendam, katanya.

"(Sebenarnya) konfrontasi tidak timbul kerana pulau itu hak Malaysia secara mutlak," kata Nik Aziz.

Ditanya mengenai pendirian PAS dalam perkara itu, Nik Aziz berkata hak milik negara adalah sesuatu yang perlu dipertahankan bersama oleh semua rakyat.

Pada perkembangan lain, Nik Aziz berkata PAS akan terus mengutip derma secara terbuka daripada orang ramai bagi membantu Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR).

PAS akan terus mengutip dan memohon derma secara terbuka daripada orang ramai kerana perbuatan tolong menolong dikehendaki oleh Islam, katanya.

Beliau berkata sekiranya kerajaan pusat tidak mahu PAS mengutip derma daripada orang ramai, peruntukan khusus seperti sebelum ini hendaklah disambung semula untuk membolehkan sekolah-sekolah agama beroperasi seperti biasa.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa kutipan itu kemungkinan diselewengkan, Nik Aziz berkata kutipan derma oleh PAS dijalankan mengikut peraturan dengan kewangannya diaudit.

-- BERNAMA

WM MOZ